



5,800 Pokok Hutan  
Ditanam di UPM

4

Disember 2009 Bil. 62

www.tribunputra.upm.edu.my

PP10540/02/2010(023565)

## MENARIK DI DALAM



### Majlis Gemilang Putra Iktiraf Staf UPM

3



### UPM Menang Case Writing Competition

3



### Faculty of Science to Aim for Continuing Excellence

5



### Pact with La Trobe University Australia

5



### UPM- ExxonMobil Penanaman Pokok

10



### Anugerah Media UPM

8 & 9

# UPM Bolot 8 Emas BIS di London

Oleh Hamizan Wasoh @ Mohamad Isa

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih anugerah di pameran penyelidikan The British Invention Show (BIS) yang telah diadakan di London dengan mendapat 8 emas, 1 perak dan 1 anugerah khas.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, UPM Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh berkata daripada 8 pingat emas itu, UPM memenangi anugerah khas 'Double Gold' di bawah kategori 'Consumer' menerusi projek penyelidikan 'Sensor-Less Positioning System For Linear Dc Motor' oleh Dr. Norhisam Misron yang turut memenangi pingat emas bagi kategori yang sama.

"Projek tersebut merupakan motor tanpa penerima (sensor) dalam industri robotik yang lebih efektif dari segi kos, ketepatan, pergerakan, kualiti yang lebih baik, terbaru dan belum lagi diaplikasikan dalam mana-mana industri baik dalam mahupun luar negara," katanya ketika mengumumkan kejayaan UPM pada sidang media anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Bahagian Komunikasi Korporat di sini.

Beliau berkata 7 produk penyelidikan UPM yang dianugerahkan pingat emas ialah 'Shortcut and Rapid Protocol of Isolating and Developing DNA Microsatellite Markers for River Catfish (Prof. Dr. Siti Shapor Siraj) dan 'Treatment of Oilfield Produced Water with Isolated Tropical Hypersaline Microorganisms in Rapid Spatial Planner' (Prof. Madya Dr. Rahinah Ibrahim).



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Abu Bakar berkongsi kejayaan bersama barisan penyelidik UPM.

Lain-lain katanya ialah 'A Composite Framework for Textbook Evaluation' (Prof. Madya Dr. Jayakaran Mukundan), 'Ezy Cooker' (Dr. Rosnah Shamsudin) dan 'Formulation of Tropical Cellulose Kenaf Fibre Compound for Malaysian Cars' (Dr. Khalina Abdan) serta satu pingat perak

bagi produk 'Wondermomo - Biodegradable Portable Charger' (Bakri Bakar).

Prof. Dato' Dr. Abu Bakar berkata produk yang dipertandingkan mewakili produk-produk terbaik dari 15 buah negara termasuk USA, Iran, Rusia, Korea, Croatia dan Britain.

"Selain pengiktirafan, kita berharap produk UPM dapat diterima oleh masyarakat dan dimanfaatkan sepenuhnya. Kita juga terbuka untuk menerima cadangan daripada pihak luar untuk menghasilkan sesuatu produk yang dapat menjaga kualiti hidup," katanya.

## UPM Juara Nasyid 4 Tahun

Oleh Addi Tamin



Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Azali Mohamed (tengah) menyambut kemenangan Kumpulan Nahwan Nur.

PERLIS - Kelab Nasyid Nahwan Nur Universiti Putra Malaysia (UPM) di bawah naungan Unit Seni Budaya dan Kreatif, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dinobatkan Johan Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan 2009/1430H buat tahun keempat berturut-turut di Universiti

Malaysia Perlis (UniMAP) baru-baru ini.

Lagu *Wacana Merdeka dan Duka di Tanah Gersang* hasil ciptaan Wan Muhammad Salehuddin Wan Hassan yang disampaikan dengan menerapkan elemen teater telah membantu kelab itu meraih anugerah Persembahan Terbaik,

juga untuk kali keempat berturut-turut.

Penganjuran keenam festival nasyid tersebut menyaksikan penyertaan 11 universiti sejak peringkat saringan pada 10 Oktober 2009 lalu.

Kejayaan itu membolehkan UPM membawa pulang wang tunai berjumlah RM 3000.

## UPM Menang 4 Emas INNOVA, Brussels

Oleh Nasreena Hailani


BRUSSELS, 20 Nov - 5 penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya meraih 1 anugerah khas, 4 pingat emas dan 1 pingat perak di pameran antarabangsa INNOVA ENERGY 2009 di sini.

Anugerah khas dari Kementerian Pertahanan Belgium telah dimenangi oleh Prof. Ir. Dr. Norman Mariun dan Dr. Norhisam Misron (ketua projek) dengan produk *Linear Displacement Sensor Using Meander Coil and Pattern Guide*.

Produk yang turut memenangi pingat emas itu merupakan penerima yang mampu menjadikan industri barangan elektronik yang kompleks dan mahal menjadi lebih

> LIHAT MUKA 2

ISSN 2180-0804



9772180080004

# UPM Menang 2 Emas BioMalaysia

Oleh Nasreena Hallani



Penyelidik yang memenangi BioMalaysia bersama Naib Canselor di hadapan lot pameran UPM.

**KUALA LUMPUR, 19 Nov** – Penyelidik Universiti Putra Malaysia berjaya meraih 2 pingat emas, 2 pingat perak dan 6 pingat gangsa di pameran BioMalaysia 2009 yang telah berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) di sini. Pingat emas diraih oleh Prof. Ir. Dr. Amin Mohd Soom dari Fakulti Kejuruteraan

dengan produk *Real Time Mapping Using Apparent Electrical Conductivity (RT-MECA)* di mana beliau bersama kumpulan penyelidik mencipta teknologi mendapatkan peta kebolehubahan tanah yang pantas dan berkesan.

Katanya maklumat yang diperlukan boleh diperolehi serta merta untuk

membantu pengurusan ladang yang cekap berbanding maklumat sebelumnya yang memakan masa selama 1 atau 2 hari.

"Hasil teknologi kami yang telah diuji di kawasan penanaman padi di Sawah Sempadan, Selangor dapat mengesan keperluan baja di kawasan yang dicerap

untuk membolehkan kaedah pertanian persis diamalkan dengan menentukan kandungan nutrient dalam tanah. Ia membantu pengurangan kos penanaman padi, meningkatkan pendapatan petani dan memulihara pencemaran alam sekitar akibat dari penggunaan baja yang berlebihan," katanya ketika ditemui.

Pingat emas kedua dimenangi oleh Prof. Dr. Fauziah Othman dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dengan produk penyelidikan kesihatan *Berberis Vulgaris Fruit Extract as a Potential Prevention Agent for Liver Cancer* yang dihasilkan daripada buah beri *Berberis Vulgaris* yang kaya dengan anti oksidan untuk merawat penyakit kanser hati, melarutkan batu hempedu dalam hati, melancarkan darah dan membuang toksik dalam badan.

"Produk ini boleh dihasilkan menjadi makanan tambahan kesihatan, jus dan teh untuk meningkat imuniti badan. Produk yang tiada bahan campuran ini bertindak sebagai satu suplemen tambahan halal dan boleh didapati dengan harga yang berpatutan," katanya.

Dua pingat perak dimenangi oleh Prof. Dr. Nor Aini Ab Shukur dari Institut Pertanian Tropika dan Produk Hutan dengan produk *Over Expression of Gibberellin 20 Oxidase Gene Increase of Cellulose Fiber Length in Kenaf (Hibiscus*

*Cannabinus L.)* dan Dr. Rajesh Ramasamy dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dengan produk *Generation and Characterisation of Mesenchymal Stem Cells Derived from Human Myocardial Tissues: A Potential Pool of Cardiac Stem Cells*. Beliau turut memenangi pingat gangsa untuk produk *Mesenchymal Stem Cells Mediated Tumour Cell Suppression: A Potential Therapy for Cancer* mewakili Institut Biosains.

Manakala pingat gangsa pula dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Tey Beng Ti (2 pingat) dari Fakulti Kejuruteraan dengan produk *Method for Quantitation of Recombinant Green Fluorescent Protein dan A Method for Purifying the Nucleocapsid Protein of Nipah Virus*, Prof. Madya Dr. Faridah QamaruzZaman dari Institut Biosains dengan produk *Taman Konservatori Pertanian*, Prof. Madya Dr. Muhammad Nazrul Hakim Abdullah dari Akademi Sukan dengan produk *Orthosiphon stamineus (Misai Kucing) as diuretic agent in sports medicine*, Dr. Ahmad Bustamam Abdul dari Institut Biosains dengan produk *A natural compound from a local herbal plant as a potential cure for cervical cancer*.

Pameran Biomalaysia yang berlangsung dari 17 hingga 19 November telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

## Sepetang Bersama Wanita Pertama Malaysia

Oleh Ili Syazwani Zahimi

**SERDANG** – "Walaupun mempunyai jadual harian yang padat, saya tetap meluangkan masa untuk bersama-sama warga Universiti Putra Malaysia (UPM) pada petang ini," kata Wanita Pertama Malaysia, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor pada majlis Sepetang Bersama Wanita Pertama Malaysia@ Putra.FM.

Majlis yang berlangsung di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM tersebut telah dianjurkan oleh siswazah Master Komunikasi Korporat sesi 2009/10 bertujuan untuk merapatkan pelajar UPM dengan isteri Perdana Menteri melalui temubual saluran radio kampus Putra.FM.

Selain itu, majlis tersebut juga bertujuan memberi ruang kepada Datin Paduka Seri Rosmah untuk berkongsi pandangan beliau mengenai konsep 1Malaysia bersama-sama.

Ketika ditemubual oleh juruhebah Putra.FM, beliau berkata konsep 1Malaysia sudah lama dipraktikkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia cuma konsep yang diperkenalkan oleh

Perdana Menteri itu memberi penekanan utama dalam aspek penerimaan, pemahaman dan penghormatan antara satu sama lain.

"Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri bukan sahaja tertumpu pada konsep toleransi sesama kita tetapi juga penerimaan kita terhadap budaya dan kepercayaan bangsa lain yang seterusnya mampu mengukuhkan tuggak kepercayaan dalam masyarakat berbilang kaum di negara kita," katanya di konti Putra.FM.

Beliau turut menasihatkan pelajar agar menjadi pemangkin kepada semangat 1Malaysia agar sentiasa menghormati budaya bangsa lain demi mengekalkan kestabilan negara.

"Kita seharusnya bersyukur nikmat keamanan dan kebebasan yang ada di Malaysia kerana jika kita tidak berusaha mengekalkan keamanan ini, kita akan menjadi seperti Palestin yang rakyatnya sentiasa ditindas oleh pihak-pihak yang suka mengambil kesempatan.

"Saya yakin pelajar UPM



Datin Paduka Seri Rosmah Mansor ketika ditemubual di Putra FM.

merupakan golongan yang terpilih dan cerdas dalam menilai sesuatu perkara supaya dapat membantu semua pihak dalam isu polarisasi kaum," katanya

yang meluangkan masa hampir 3 jam bersama-sama pelajar UPM pada majlis tersebut.

Majlis turut dihadiri oleh alumni

UPM, Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan isteri serta Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

### > DARI MUKA DEPAN

murah dan kecil seperti barangan elektronik motor lurus yang diguna oleh industri semikonduktor, pencetak dan pemotong kertas.

Pingat emas kedua dimenangi oleh Dr. Siti Mazlina Mustapa Kamal dengan produk *Fruits Grater and Peeler* di mana beliau bersama kumpulan penyelidik telah merekabentuk sebuah alat tiga fungsi untuk memarut, mengupas dan memotong buah-buahan dan sayur-sayuran secara automatik yang dapat menjimatkan masa dan tenaga.

Pingat emas ketiga dimenangi oleh

Wan Zuha Wan Hasan dengan produk *Software Tool - A Fault Syndrome Simulator for Functional Faults of Static Random Access Memories (RAM)* iaitu sejenis ciptaan perisian untuk mencari algorithm yang boleh mengesan kesalahan dalam RAM.

Produk itu mampu mengenal dan membaiki kesalahan serentak dalam masa singkat berbanding perisian di pasaran kini yang hanya boleh mengesan sahaja dan mengambil masa lama untuk mengenal kesalahan dalam RAM.

Pingat emas keempat dimenangi

oleh Dr.-Ing Ahmad Fauzi Abas dengan produk *Duty Cycle Division Multiplexing Increasing Optical Fiber Capacity Utilization* di mana beliau bersama kumpulan penyelidik telah mencipta kaedah untuk menghantar data berkelajuan tinggi dalam komunikasi yang menjimatkan kos menggunakan talian fiber optik.

Daripada 400 produk yang dipertandingkan dari 30 negara, 38 produk Malaysia dari 5 instituti pengajian tinggi, 1 institut pengajian tinggi swasta dan 1 institut penyelidikan dipertandingkan.



Wan Zuha Wan Hasan, Dr. Siti Mazlina Mustapa Kamal, Prof. Norman Mariun, Dr.-Ing Ahmad Fauzi Abas, Dr. Mohd Zainal Abidin Ab Kadir dan Prof. Madya Dr. Ratnasamy Muniandy.

# UPM Raih 4 Emas IENA di Jerman

Oleh Nasreena Hailani

**NUREMBERG** - UPM berjaya meraih 4 pingat emas, 1 pingat perak dan 3 pingat gangsa pada pameran International Exhibition of Ideas-Inventions-New Products (IENA) dengan mempertaruhkan 8 projek daripada 4 penyelidik di sini baru-baru ini.

Pingat emas telah dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Sabira Khatun dari Fakulti Kejuruteraan dengan produk PIC Multi-User Receiver for Multi Rate Combined CDMA and SDMA Systems with Increased Capacity iaitu inovasi meningkatkan keupayaan rangkaian tanpa wayar dengan menggabungkan Capaian Berbilang Pembahagi Kod (CDMA) dan Capaian Berbilang Pembahagi Ruang (SDMA).

Katanya hasil gabungan itu menambahbaik prestasi berbanding CDMA yang tulen. Bahkan, sistem gabungan C-SDMA dengan PIC mampu menerima lebih banyak pengguna berbanding dengan sistem lain.

Pingat emas kedua dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff dari Fakulti Kejuruteraan dengan produk Agricultural Land Suitability Evaluator dengan inovasi sistem perisian komputer menggunakan Sistem Maklumat Geografi yang membolehkan pengguna menentukan kawasan tanah paling sesuai untuk mengusahakan sesuatu tanaman.

"Pelaburan pengusaha atau agensi kerajaan terjamin kerana kawasan sesuai yang dikenalpasti akan memberi pulangan yang baik di samping boleh memelihara alam sekitar kerana pengurusan tanah dan aplikasi baja dan kimia dapat diminimalkan," katanya.

Pingat emas ketiga dimenangi oleh Prof. Dr. Maznah Ismail dari Institut Biosains dengan produk Thymoquinone Rice Fraction Prepared from Nigella Sativa Seeds with Cardioprotective and Neuroprotective Properties iaitu inovasi bahan tambahan daripada habatus

sauda atau jintan hitam yang mempunyai banyak kebaikan untuk penjagaan kesihatan seperti mengurangkan risiko masalah penyakit jantung, penyakit nyanyuk dan anti kanser usus.

Pingat emas keempat dimenangi oleh Dr. Osumanu Haruna Ahmed dari Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPM Kampus Bintulu Sarawak dengan produk Simple Rapid and Cost Effective Technology for Producing Organic Based Fertilizer iaitu teknologi baru yang mengekstrak asid humik dan asid fulvik daripada bahan organik dalam masa tujuh jam berbanding kaedah sedia ada antara yang memakan masa dua hingga tujuh hari.

"Penggunaan asid humik dan asid fulvik ini bersama urea dapat mengurangkan kadar pemeruapan gas ammonia dari 50% hingga 100%. Ianya juga telah meningkatkan keberkesanan baja urea tersebut sehingga 40% dan secara tidak langsung dapat



Dari kiri: Prof. Dr. Maznah Ismail, Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff, Dr. Osumanu Haruna Ahmed dan Prof. Madya Dr. Sabira Khatun.

mengurangkan kadar pencemaran udara," katanya.

Pameran International Exhibition of Ideas-Inventions-New Products (IENA)

ini telah berlangsung dari 5 hingga 8 November lalu telah mempertandingkan lebih daripada 800 produk daripada 33 buah negara.

## Majlis Gemilang Putra Iktiraf Staf

Oleh Mohd Faisal Md. Noor

**SERDANG** - Universiti Putra Malaysia (UPM) mengiktiraf staf cemerlang melalui Majlis Gemilang Putra 2009 yang telah diadakan di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Anugerah itu merupakan pengiktirafan dan penghargaan kepada staf UPM dalam aktiviti berkaitan pengajaran, penyelidikan, perkhidmatan profesional serta sokongan.

Empat penerima Anugerah Fellowship Naib Canselor ialah Prof. Madya Dr. Samsilah Roslan (Fakulti Pengajian Pendidikan) bagi Kategori Cemerlang dalam Pengajaran, Prof. Dr. Raja Noor Zaliha Raja Abd Rahman (Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul) bagi Kategori Cemerlang dalam Penyelidikan, Prof. Madya Dr. Awang Noor Abd. Ghani (Fakulti Perhutanan) dan Nani Menon (Fakulti Ekologi Manusia) bagi Kategori dalam Perkhidmatan Profesional.

Kesemua penerima anugerah

menerima geran bernilai RM10,000, sebuah trofi dan sijil pengiktirafan daripada Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Pada majlis kali ini, seramai empat orang staf menerima anugerah Fellowship Naib Canselor, 15 penerima anugerah Jasamu Dikenang, 34 orang anugerah Jasa Putra, 31 anugerah Setia Putra, 460 anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 105 anugerah Bakti Putra.

Majlis ini dahulunya dikenali sebagai Anugerah Fellowship Naib Canselor, Jasa Putra, Setia Putra dan Perkhidmatan Cemerlang yang diperkenalkan pada tahun 2002 tetapi telah digabungkan menjadi satu nama iaitu Majlis Gemilang Putra bermula tahun 2006 hingga sekarang.

Majlis disempurnakan dengan pelancaran Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) dan jamuan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali yang diserikan dengan persembahan nyanyian Jay Jay.



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (kiri) menyampaikan Anugerah Fellowship Naib Canselor kepada Dr. Samsilah Roslan (kanan).

Turut berlangsung penyampaian sumbangan kepada 37 ibu tunggal, 40 anak yatim piatu dan dua sumbangan

Khas Permata kepada anak Orang Kurang Upaya (OKU) dan pesakit kanser otak.

## UPM Hasil Alat Proses Buah Tiga Fungsi

Oleh Ili Syazwani Zahimi

**SERDANG** - Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) dari Fakulti Kejuruteraan telah menghasilkan sebuah alat yang dapat memudahkan proses memarut, mengupas dan memotong buah-buahan serta sayur-sayuran, iaitu Pamarut dan Pengupas Buah.

Perbezaan alat tersebut dengan pengupas lain di pasaran ialah ia dilengkapi dengan multi-fungsi memarut, mengupas dan memotong secara automatik.

Ketua penyelidik, Dr. Siti Mazlina Mustapa Karnal berkata alat yang bersifat 'hygienic' itu menjimatkan masa, mengurangkan kos operasi dan mampu mengupas buah pada kadar yang tinggi selain meningkatkan kecekapan pemrosesan produk buah-buahan.

"Alat yang dianggarkan berharga dari RM100 hingga RM150 ini sesuai digunakan untuk pelbagai jenis buah bersaiz kecil dan sederhana termasuk

buah-buahan eksotik seperti buah naga. Manakala sayur-sayuran yang boleh dikupas menggunakan alat ini seperti timun, kentang, dan keledak," katanya pada sidang media produk baru UPM anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Bahagian Komunikasi Korporat di sini.

Produk yang telah memenangi pingat emas dan anugerah 'The Best Award' pada Malaysia Technology Expo (MTE) 2009 itu telah difailkan patennya pada tahun 2008.

"Kami berharap produk ini boleh dikomersilkan kepada usahawan-usahawan industri kecil, pengusaha pemrosesan buah-buahan dan sayur-sayuran, institut-institut penyelidikan makanan, pengusaha-pengusaha hotel dan restoran serta pengguna harian," katanya yang turut dibantu oleh dua lagi penyelidik, iaitu Nur Aliaa Abd Rahman dan Wan Zuha Wan Hasan.



Dr. Siti Mazlina (kanan sekali) bersama pasukan penyelidik menunjukkan cara menggunakan mesin pamarut kepada media.

## UPM Tempat Ke-2 Case Writing

Oleh Ili Syazwani Zahimi

**KUALA LUMPUR, 4 Nov** - Empat pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) dan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM) Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya meraih tempat kedua dan ketiga dalam Case Writing Competition (Pertandingan Penulisan Kes) bertaraf kebangsaan yang bertemakan *Case Writing in Action: Dynamics Of Case Method* pada 4 November yang lalu.

Dr. Tee Keng Kok, Yaacob Ibrahim dan Dr. Ho Jo Ann dari GSM, UPM memenangi tempat kedua dengan penulisan kes bertajuk, *Powerforce Malaysia: Managing Organizational Dynamic*.

Sementara itu, tiga pensyarah FEP, Dr. Dahlia Zawawi dan Juliana Johani, tajuk penulisan *The Clock is Ticking* serta Dr. Mohd Fuaad Said dengan tajuk penulisan, *Kayla (Iran) Pte.Ltd: Developing A Strategy* telah memenangi tempat ketiga.

Pertandingan itu dianjurkan oleh Case Writer's Association of Malaysia (CWAM) dengan kerjasama GSM, UPM dan Universiti Terbuka Malaysia (OUM).

CWAM mempertandingkan penulisan kes yang bercorak penghujahan dalam bidang pengurusan secara umum seperti pengurusan perakaunan dan pengurusan perniagaan.

Pertandingan tersebut bertujuan untuk menerapkan gabungan dimensi proses pembelajaran dan penulisan kreatif serta melatih diri membuat keputusan yang wajar dalam apa juga bidang yang diceburi.

# UPM – Mitsubishi Tanam 5,800 Pokok Hutan

## Usaha Dua Organisasi Dapat Liputan National Geographic

Oleh Khairul Anuar Md Noh & Noor Eszereen Juferi  
Foto oleh Noor Azreen Awang

Kerakusan penebangan hutan untuk tujuan pembalakan dan pembangunan mengambil masa hanya beberapa hari sahaja tetapi untuk memulihara akan mengambil masa berpuluh tahun.

Nasib warisan hutan tropika yang terancam agar dapat dijadikan sebagai gedung biodiversiti oleh generasi akan datang bukan sahaja menjadi tanggungjawab bangsa yang mewarisi khazanahnya malah lebih diinsafi sekiranya ia dihargai oleh pihak luar.

Menyadari keperluan untuk memenuhi tanggungjawab sosial bagi generasi akan datang, dua entiti dari organisasi berbeza iaitu syarikat automotif gergasi dunia dan institusi pengajian tinggi yang sinonim dengan penyelidikan pertanian dan perhutanan mengetepikan faktor kewangan dan nilai hartanah demi untuk kelestarian pemuliharaan hutan hujan tropika.

Gandingan mantap Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Mitsubishi Corporation telah membuktikan sejak

*“Sejak 19 tahun lalu UPM dan Mitsubishi telah menanam pokok hutan sebanyak 360,000 pokok di kawasan seluas 80.5 hektar di kampusnya di Serdang dan Bintulu, Sarawak”*

19 tahun lalu, kedua-duanya berupaya membangunkan kawasan penanaman spesies pokok hutan hujan tropika di Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu seluas 47 hektar, melibatkan 350,000 pokok hutan daripada 128 spesies.

Kali ini Mitsubishi memberi kepercayaan kepada UPM dalam bentuk geran penyelidikan untuk menanam kira-kira 5,800 anak pokok yang terdiri dari 112 spesis pokok hutan tempatan

dan spesis endemik yang dikumpulkan dari seluruh negeri di Semenanjung Malaysia di kawasan seluas 6.5 hektar di kampusnya di Serdang.

“Dengan adanya konsep model hutan ini, pihak UPM mampu untuk mengumpulkan spesies endemik serta spesies terancam untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D),” kata Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris yang merasmikan majlis penanaman pokok hutan di UPM bersama perwakilan Mitsubishi Corporation.

Katanya program penanaman pokok hutan oleh dua organisasi ini bukan sahaja diharapkan berterusan bagi kelangsungan khazanah flora dan fauna kepada generasi akan datang tetapi akan mendidik mahasiswa UPM mengenai senario hutan di Malaysia yang kian terancam akibat sikap tidak endah oleh pihak tertentu.

Pengurus Besar CSR & Environmental Affairs Office, Mitsubishi Corporation Jepun, Minoru Akita berkata program seumpama itu diharapkan akan berterusan bagi dimanfaatkan oleh generasi yang akan datang bagi mendidik generasi muda betapa pentingnya pemuliharaan hutan yang kini semakin merosot.

Pada majlis penanaman pokok itu, keseronokan kira-kira 650 sukarelawan yang terdiri daripada delegasi Mitsubishi, pegawai-pegawai utama UPM, pelajar tempatan dan antarabangsa tidak terhakis oleh kepayahan mereka menanam di kawasan yang penuh selut akibat musim hujan.

Ini bukanlah kali pertama Mitsubishi memberi dana kepada UPM untuk menanam pokok hutan di Serdang kerana pada tahun 2008, penanaman model hutan tropika di lokasi yang sama telah dibuat di kawasan seluas 27 hektar dengan melibatkan penanaman 3,000 anak pokok hutan dari spesies utama.

Menyorot kerjasama UPM-Mitsubishi, ia bermula apabila Yokohama National University, Jepun (YNU) menjalinkan kerjasama dengan UPM melalui projek penanaman pokok di UPM kampus Bintulu, Sarawak pada tahun 1990. Projek itu mendapat pembiayaan sepenuhnya dari Mitsubishi dengan dana permulaan RM 5 juta bagi tempoh empat tahun pertama.



Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris (kanan) menanam pokok sambil dibantu oleh pengasas model tanaman hutan, Prof. Dr. Akira Miyawaki (kiri) dan Prof. Madya Dr. Mohamad Azani Alias (tengah).

Setelah tempoh tersebut tamat, Mitsubishi melihat kesungguhan UPM yang berjaya memulihara hutan berbanding dana Mitsubishi di lokasi negara tropika di benua lain telah menyebabkan Mitsubishi bersetuju menyambung pembiayaan sehingga tahun 2009.

“Jumlah keseluruhan peruntukan penyelidikan yang telah disediakan oleh



Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UPM, Abdullah Arshad turut mengambil bahagian.

Mitsubishi mencecah sehingga RM10 juta bagi tempoh selama 18 tahun (1991-2009),” kata Timbalan Dekan Fakulti Perhutanan, Prof Madya Dr. Mohamad Azani Alias.

Beliau berkata kejayaan konsep model hutan di Serdang sebenarnya dirintis oleh konsep yang berjaya dibangunkan di UPM Bintulu yang diperkenalkan oleh Prof. Dr. Akira Miyawaki dari YNU (*concept of vegetarian association*) dan Dato’ Prof. Dr. Nik Muhamad Abd Majid, Profesor Fakulti Perhutanan UPM (*concept of accelerating natural vegetation*).

Lokasi tapak model hutan dengan nilai hartanah tinggi terletak di Arboretum UPM di antara lebuh raya Kuala Lumpur-



Pengasas model tanaman hutan UPM, Prof. Dato’ Dr. Nik Muhamad Abd Majid (dua dari kiri) sedang ditemubual oleh wartawan National Geographic (kanan).



Seremban dan lebuh raya Kuala Lumpur Putrajaya seluas 27 hektar itu sebelum ini merupakan padang ragut UPM.

Walaupun usaha UPM-Mitsubishi kurang mendapat publisiti media

tempatan, penanaman di Serdang dan hasil 18 tahun pokok hutan yang ditanam di Bintulu telah berjaya menarik minat pihak National Geographic membuat liputan.



Dekan Fakulti Sains, Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz (tengah) dan Ketua Editor Tribun Putra Khairul Anuar Muhamad Noh (kanan) mengambus anak Cengal Batu bersama pelajar UPM.

## UPM to Amplify Forest Research in Sarawak

By Sabrina Mahili



Photo | Marina Ismail

The Vice Chancellor and Dean, Faculty of Forestry, Assoc. Prof. Dr. Awang Noor Abd. Ghani attentively listening to a briefing by a Forester from the Sarawak Forest Department, Abang Ahmad Abang Morni.

**KUCHING, 6 November** – Universiti Putra Malaysia (UPM) and the government of Sarawak, which was represented by Sarawak Forest Department have agreed upon a Memorandum of Understanding (MoU) to pool resources on forestry disciplines mainly on research, consultation and training to further enhance the management of sustainable forest in the state.

Vice Chancellor of UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah said the opportunity to conduct studies on basic and applied sciences in the Sarawak's forest is aplenty and should be benefited intensively through scientific approach in order to gain new breakthroughs including product commercialization.

The MoU, apart from bridging the gap between both parties in term of research, consultation and services will also provide opportunity for the staffs to further their studies in the relevant fields and to improve their human capital.

"UPM sets high hopes in developing research along with the fields of forestry science mainly forest biology, ecology function, carbon sequestration, recreational forest and eco-tourism, the socio-economic aspect and also the sustainable forest management", he added.

UPM will gain the facility benefits from the collaboration as joint research can now be conducted in some of the state's abundant forest like the Bukit Lambir Reserve.

As a turning point in realizing the MoU, a number of projects have been outlined by the Faculty of Forestry UPM and Institute of Tropical and Forest Products UPM.

MoU was signed by Deputy State Secretary, Assistant Minister of Planning and Resource Management cum the Director of Sarawak Forest Department, Datu Len Talif Salleh, representing the Sarawak Government and UPM was represented by Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

## Halal Gelatin from Freshwater Fish Skin

GELATIN is one of the most versatile and utilized gelling agents in food application due to its special texture, thermo-reversibility and the "melt-in-mouth" perception.

Its application as an ingredient in frozen foods manufacturing such as ice cream and pie-fillings are highly sought after as its functional properties are highly stable at low temperatures and can be maintained even when the product is brought up to an elevated temperature.

Universiti Putra Malaysia researchers recently came up with halal collagen made from skins of freshwater fish where its unique functional properties as stabilizers, emulsifiers, thickeners, flavour carries and an aid in juice clarification process normally surpass those of other natural and synthetic biopolymers.

Professor Dr. Jamilah Bakar from UPM's Department of Food Technology, Faculty of Food Science And Technology, said in addition to food stuff, gelatin can also be used in the pharmaceutical and photographic industry.

The type of application is dependent on the grade of the gelatin which in turn is dependent on the process involved in the production of the gelatin itself.

"Gelatin is traditionally produced from bones and skins or hides of mammalian origin such as bovine and porcine by acid or alkaline treatment to give type A and type B gelatines, respectively," she

said.

However, Jamilah said, the needs arising from religious issues such as those of the Jews, Hindus and Muslims have brought about the need to produce gelatin from non-traditional sources.

"Gelatin from marine sources (fish skin, bones, fins and scales) has been looked upon as possible alternatives besides fulfilling the need of zero-waste concepts in the manufacturing industries," she said, nothing that fish skins, bones and scales are by-products of the fish processing industry.

She said the ongoing research has proven that the skins of cultured freshwater fish such as red tilapia are promising alternative sources of commercial gelatin.

There are two main issues to be addressed in the production of gelatin from red tilapia skins.

First, the process cannot be directly adapted from the mammalian-derived gelatin due to the different chemistry of the skins and bones; secondly, the character of the tropical fish skins and bones have not been reported.

"Modified and improved procedures for the extraction of gelatin using both organic acid and alkaline-washing treatments have been accomplished in our laboratory.

"In our studies, the gelatin exhibited excellent snowy white colour and barely detectable fishy odour," she said.



## Faculty of Science to Aim for Continuing Excellence

By Ili Syazwani Zahimi



Photo | Ahmad Fua'ad Alwi

Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh (right) with the Dean, Faculty of Science, Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz and the Chairman, Faculty of Science Convention 2009, Prof. Dr Wan Mahmood Mat Yunus (center) during the official opening.

**SERDANG, 2 Dec** - A faculty is deemed outstanding when collaboration between researchers, lecturers, and the management produced excellent services and amenities along with the best research output, said the Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz, the Dean from the Faculty of Science, Universiti Putra Malaysia at the Faculty of Science Convention, 2009.

"We owe our excellence to solid teamwork shown by the support staffs to fellow researchers.

"The year 2009 has indeed brought much success to our researchers. We are proud of these awards; Scientist of Asia Conclave 2009, Malaysian Innovative Product Award 2009, Malaysian Innovative Product Award 2009 and Malaysian Association of Research Scientist and a nil-NCR audit," he said.

The convention was held at the Engineering auditorium, Faculty of Science, UPM. It was a day of appreciation for all accomplishment achieved by the Faculty and its denizen.

The aptly themed convention, "Soaring Towards Excellence"; shared its way forward in teaching and learning, research and postgraduates, development and financial as well as human resource and administration.

In addition, Deputy Vice Chancellor for Research and Innovation of UPM Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh said the convention doubled as a discussion opportunity for members of the faculty in the effort to preserve its excellence.

## UPM and La Trobe Reach Cooperative Pact

By Ili Syazwani Zahimi



Photo | Noor Azreen Awang

Deputy Vice Chancellor (Academic and International) UPM, Datin Paduka Dr. Aini Ideris exchanging MoU document with Deputy Vice Chancellor of LTU, Professor John Rosenberg (two from right).

**SERDANG, 11 Nov** - La Trobe University (LTU), ranked the 241st Top Universities in 2009 has agreed to collaborate with Universiti Putra Malaysia (UPM) with the signing of a Memorandum of Understanding (MoU) that aimed to give students adequate exposure on international reputed universities.

LTU is enthusiastic on the collaboration with UPM as it allows opportunities for students and staff exchange thus the chance to experience on each other's arts and culture, people and social customs along with the governance of both countries apart from trading views on global issues.

The MoU is an initial phase for UPM-LTU collaboration to kick-start the short-term students exchange namely, UPM-LTU Cultural Exchange

Program (UPM-LTU CESP), which shall stress on cultural learning.

UPM-LTU CESP is a 14-day joint students exchange program involving 10 students from each institution.

Representing them during the signing ceremony, Deputy Vice Chancellor, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris signed the MoU, accompanied by Director of the International Office, Prof. Dr. Zelina Zaiton Ibrahim.

LTU Chancellor, Sylvia Walten A.O and Deputy Vice Chancellor, Professor John Rosenberg represented LTU for the signing and with great delight agreed to offer a tutorship for UPM candidates who wish to further their studies at La Trobe University.

# FBMK: Pelajar didahulukan, Pencapaian diutamakan

Foto oleh Noor Azreen Awang dan Marina Ismail

Asas penubuhan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) dapat dilacak sejak wujudnya Bahagian Bahasa Kebangsaan dan Bahagian Bahasa Inggeris di Kolej Pertanian Malaya berikutan penguatkuasaan Akta Bahasa 1967. Pada tahun 1971, kedua-dua bahagian ini digabungkan dan dinamakan Bahagian Bahasa yang mengandungi Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris. Bahagian ini telah dinaikkan tarafnya menjadi Jabatan Bahasa pada tahun 1972, dan diletakkan di bawah Fakulti Pertanian.

Pada 15 Januari 1975, Jabatan Bahasa dipindahkan ke Fakulti Pengajian Pendidikan. Pada 4 Januari 1995, Jabatan Bahasa telah dinaikkan tarafnya menjadi Fakulti Pengajian Bahasa. Pada 1 Januari 1999, Jabatan Komunikasi Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia dipindahkan ke Fakulti Pengajian Bahasa Moden dengan nama baharunya Jabatan Komunikasi. Dengan pemindahan ini juga, Fakulti Pengajian Bahasa Moden diberi nama baharu, iaitu FBMK.

Kini, FBMK mempunyai empat jabatan, iaitu Jabatan Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa Inggeris, Jabatan Bahasa Asing, dan Jabatan Komunikasi. Jabatan Bahasa Melayu mengendalikan kursus Bahasa dan Linguistik Melayu, Kesusasteraan Melayu, penulisan, seni persembahan dan kursus kemahiran bahasa Melayu. Jabatan Bahasa Inggeris pula mengendalikan kursus bahasa Inggeris, kesusasteraan Inggeris dan kursus kemahiran bahasa Inggeris. Manakala Jabatan Bahasa Asing mengendalikan kursus bahasa asing seperti bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Cina, bahasa Korea, bahasa Thai, bahasa Bangla, bahasa Perancis, bahasa Sepanyol, bahasa Jerman, bahasa Tamil, bahasa Myanmar, bahasa Vietnam, bahasa Parsi, dan bahasa Rusia. Jabatan Komunikasi mengendalikan kursus komunikasi kemanusiaan, komunikasi korporat, kewartawanan, penyiaran, teknologi komunikasi, komunikasi massa dan komunikasi pembangunan.

Untuk melacak kejayaan FBMK, penulis **Ahmad Yusoff Buyong** telah menemuramah Dekan FBMK, Prof. Madya Dr. Che Ibrahim Salleh baru-baru ini. Ikutilah hasil temu bual tersebut.

**TP: Program yang ditawarkan oleh FBMK dan tenaga akademiknya?**


Pada masa ini, FBMK mengendalikan program Bachelor Sastera (B.A) dan Bachelor Komunikasi (B.Comm). Bachelor Sastera yang ditawarkan adalah dalam bidang pengkhususan Bahasa dan Linguistik Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Asing (Bahasa Arab, Bahasa Cina, Bahasa Perancis dan Bahasa Jerman), Kesusasteraan Melayu, dan Kesusasteraan Inggeris. Bachelor Komunikasi yang ditawarkan adalah dalam bidang Kewartawanan, Penyiaran, Komunikasi Kemanusiaan, dan Komunikasi Korporat.

Selain itu, FBMK juga membantu Sekolah

Pengajian Siswazah mengendalikan program ijazah lanjutan (Master dan Ph.D) dalam bidang Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Kesusasteraan Melayu, Kesusasteraan Inggeris, Kesusasteraan Cina, Komunikasi Organisasi, Komunikasi Kemanusiaan, Komunikasi Pembangunan, Teknologi Komunikasi, Komunikasi Korporat dan Kewartawanan. FBMK juga mengendalikan program ijazah untuk Eksekutif secara separuh masa, dan membantu Pusat Pendidikan Luar mengendalikan program pengajian secara pendidikan jarak jauh (PJJ).

Penggerak utama aktiviti akademia FBMK terdiri daripada 4 orang Profesor, 20 orang Profesor Madya, dan 74 orang Pensyarah. Hampir 90% daripada tenaga pengajar ini lulusan ijazah Ph.D. Yang istimewa, program bahasa Asing di FBMK diajarkan oleh penutur jati bahasa asing berkenaan. Strategi ini ternyata memberikan dampak yang amat positif dari segi penghasilan graduan.

Sehingga kini, FBMK telah menghasilkan 9,948



Prof. Madya Dr. Che Ibrahim Salleh

*"FBMK telah menghantar seorang profesor Bahasa Melayu untuk mengajar Bahasa Kebangsaan kita ke Universiti Frankfurt"*

graduan; iaitu 7,363 graduan Bachelor Sastera dan 2,585 graduan Bachelor Komunikasi. Di samping itu, FBMK juga telah berjaya dalam usahanya membantu



Sekolah Pengajian Siswazah untuk menandakan 260 orang graduan ijazah lanjutan, yang mencakupi 16 graduan ijazah kedoktoran dan 244 graduan ijazah Master. Antara penerima ijazah kedoktoran di FBMK, ialah Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia.

**TP: Pelaksanaan penyelidikan FBMK dan pencapaiannya?**

Bagi tahun 2009 ini, FBMK mengendalikan hampir RM3.1 juta dana penyelidikan awam, RM106,906 dana penyelidikan persendirian, dan RM73,600 dana penyelidikan antarabangsa. Kejayaan penyelidikan FBMK ternyata mendapat penghargaan dari dalam dan luar negara. Antaranya kajian Dr. Normahdiah Sheik Said yang berjudul *NEMD (Norma Engagement Multimedia Design) MODEL* telah memenangi Pingat Emas pada Pameran *The British Invention Show (BIS) 2007*, serta pada Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Pengajian Tinggi Antarabangsa. Begitu juga penyelidikan berjudul *Beyond Corporate Image: Projecting International Reputation Management as a New Theoretical Approach in the Transitional Country* oleh Dr. Zulhamri Abdullah telah memenangi hadiah antarabangsa daripada *Federation of the Islamic World (FIW) 2007*.

Penghargaan pada peringkat antarabangsa juga diberikan oleh *Nippon Foundation of Japan* kepada Dr. Mohd. Zariat Abd. Rani dengan pelantikan beliau sebagai *Asian Public Intellectual Fellowship* untuk menjalankan kajian berjudul *Using Literary Works as Teaching Material for Sex Education in Indonesia*.

**TP: Pelaksanaan penerbitan FBMK dan pencapaiannya?**

